

08 MAY 1999

Iraq-Lawat

LAWATAN NAIB PRESIDEN IRAQ AKAN KUKUHKAN HUBUNGAN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Lawatan empat hari Naib Presiden Iraq Taha Yasseen Ramadhan ke Malaysia mulai esok akan mempereratkan hubungan yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara, terutama ketika Baghdad sedang berusaha keras afgar sekatan sembilan tahun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadapnya ditarik balik.

Lawatan itu hasil jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merupakan lawatan pertama pemimpin tertinggi Iraq sejak Kuala Lumpur dan Baghdad mewujudkan hubungan diplomatik 35 tahun lepas.

Taha, 60, yang menjadi naib presiden sejak Mac 1991, juga adalah anggota Majlis Pemerintahan Revolusi, iaitu badan tertinggi yang membuat keputusan di Iraq.

Duta Iraq ke Malaysia Adnan Malik Al-Ghazali berkata selain mengukuhkan hubungan, kedua-dua negara juga akan bertukar-tukar pendapat mengenai isu antarabangsa terutama berkaitan resolusi Majlis Keselamatan PBB mengenai sekatan terhadap Iraq.

"Keseluruhan skop hubungan Iraq-Malaysia akan dibincangkan. Semua butiran akan dibentangkan. Ia akan menjadi perbincangan terbuka," kata Adnan kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Taha akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah dan menghadiri mesyuarat bersama ahli perniagaan Malaysia serta menghadiri jamuan malam anjuran Petronas.

Adnan berkata Malaysia, selaku anggota tidak tetap Majlis Keselamatan, telah bersuara dengan lantang di PBB serta melalui penyelarasan dengan negara-negara lain untuk memberi tekanan kepada PBB supaya menarik balik sekatan yang membawa Iraq, yang suatu ketika dulu sebuah negara kaya, kepada sebuah negara yang miskin.

"Kami bergantung penuh kepada peranan positif yang dimainkan oleh ahli majlis bagi menarik balik sekatan. Jadi (semasa lawatan ini) kami akan berdialog mengenai cara terbaik untuk melakukannya," katanya.

Iraq, yang mempunyai 22 juta penduduk, dikenakan sekatan berikutan pencerobohannya terhadap Kuwait pada Ogos 1990. Sejak itu ia menjadi sasaran serangan udara oleh Amerika Syarikat dan Britain yang dikutuk oleh banyak negara termasuk Malaysia.

Sambil menyifatkan hubungan sekarang sebagai amat baik, Adnan yang mengambil alih jawatan itu bulan lepas, berkata lawatan Taha sudah pasti memberi manfaat kepada hubungan Malaysia-Iraq dalam jangka panjang.

"Kami memahami kedudukan Malaysia untuk mematuhi resolusi PBB. Walaupun begitu mereka tidak melakukan usaha untuk membantu Iraq dalam pelbagai cara dalam lingkungan rangka resolusi itu," katanya yang merujuk kepada resolusi yang antara lain berkehendakkan penutupan dan pemusnahan semua simpanan senjata yang boleh membawa banyak kemusnahan.

Menjawab soalan sama ada Taha akan membawa pesanan daripada Presiden Saddam Hussein, Adnan berkata: "Presiden meminta beliau datang dan bertemu Dr Mahathir dan Abdullah dan saya pasti ada pesanan daripada presiden itu kepada kerajaan Malaysia".

Perbincangan juga dijangka meliputi urusan ekonomi hasil pembabitatan syarikat Malaysia dalam program minyak-untuk-makanan yang diluluskan oleh PBB. Malaysia kini menjadi negara ketiga paling banyak terlibat selepas Rusia dan China, daripada 40 negara.

"Malaysia diberi bahagian yang penting dalam program itu. Dan kami berharap dapat meningkatkan hubungan antara syarikat-syarikat Malaysia dan

Iraq," katanya.

Bagi memenuhi perjanjian minyak-untuk-makanan yang bermula pada akhir 1996, Iraq kini dibenarkan mengeksport AS\$5.2 bilion minyak setiap enam bulan, sebagai pertukaran kepada bekalan makanan dan ubat yang amat diperlukan.

Sehingga Jun tahun lepas, syarikat-syarikat Malaysia menjalankan urusan bernilai US\$140 juta terutama minyak sayuran dan ubat yang dibeli oleh kerajaan Iraq. Malaysia telah dua kali memberikan kemudahan kredit lebih daripada RM160 juta kepada Iraq untuk membeli minyak sawit. Malaysia juga melatih rakyat Iraq dalam bidang teknikal dan perkhidmatan awam.

Adnan berkata syarikat-syarikat Malaysia digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan semula infrastruktur, pertanian, petroleum dan industri negara itu sebaik sahaja sekatan ditarik balik.

"Kerajaan Iraq memandang tinggi terhadap Malaysia. Dan kita menghargai pendirian rakyat Malaysia yang lantang menyokong Iraq dan saya rasa ini akan membantu mewujudkan hubungan positif dalam apa sahaja usaha akan datang antara Iraq dan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

RV LAT MAI